

Ban Batu 5 pecah lagi

■ NOR AZIHAN GHAZALI

KAPAR - Benteng penahan ombak di Jalan Kebun Baru, Batu 5, Jalan Kapar pecah lagi semalam walaupun ia sudah dibaik pulih pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Pinang, Zaidi Ahtan berkata, ia disedari pasukan

bomba ketika membuat tinjauan dan pemantauan di kawasan berkenaan sekitar jam 5 hingga 9 pagi.

"Berikutan itu, air melimpah masuk ke kawasan kediaman penduduk bagaimanapun pemilik sudah berada di pusat pemindahan sebagai persediaan dan keadaannya masih terkawal.

"Saya dimaklumkan pihak JPS se-

dang membaik pulih kerosakan berkenaan," katanya.

Menurutnya, pihaknya berharap ban dalam keadaan kukuh tatkala air pasang sekitar jam 7 malam nanti (semalam).

"Kita khuatir jika ban pecah kemungkinan penduduk lain yang berdekatan perlu dipindahkan atas faktor keselamatan.

"Setakat ini atas nasihat bomba dan agensi penyelamat kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Klang, pusat perpindahan di Dewan serbaguna Datuk Ahmad Razali, Batu 4 Jalan Kapar terus beroperasi dan mereka hanya dibenarkan pulang ke rumah masing-masing sehingga ban tersebut siap dibaik pulih sepenuhnya," katanya.

Dalam pada itu, katanya, sehingga jam 6 petang semalam, mangsa fenomena air pasang besar kekal 167 orang membabitkan 43 keluarga di dewan berkenaan.



Air melimpah ke kawasan kediaman penduduk pagi semalam selepas ban pecah.